

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

From: Welcome Centre  
Sent: Tuesday, 6 June, 2017 11:27 AM  
To: UUM - All Staff; UUM - All Students  
Subject: TIDAK HILANG SEMANGAT MENGEJAR ILMU, 5 SEKOLAH SEMAKIN GIAT



06 JUN 2017 / 11 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**TIDAK HILANG SEMANGAT MENGEJAR ILMU, 5 SEKOLAH SEMAKIN GIAT**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Khas Universiti Utara Malaysia bersungguh-sungguh bagi mendidik pewaris generasi harapan seramai 40 orang dari 5 sekolah menengah daerah Kubang Pasu, Kedah.

Pengarah program pewaris generasi harapan Nurul Afiah Osman menjelaskan,

“Peluang akan diberikan kepada pelajar untuk menikmati suasana dan prasarana di kampus, ini antara aktiviti yang dititikberatkan supaya menyemarakkan semangat belajar mereka.”

Setibanya di UUM Welcome Centre sudah semestinya mereka menerima taklimat pembakar semangat agar menjadi graduan universiti pengurusan terkemuka suatu hari nanti di samping menghayati keistimewaan kampus di rimba hijau.

Selain belajar mengenali UUM, salah seorang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Megat Dewa (SMKD), Muhammad Abdul Azis berkata,

"Gembira mendapat ilmu berkaitan flora dan fauna serta pengetahuan yang diperolehi dapat menarik perhatian untuk sambung belajar di sini."

Manakala tiga pelajar dari Maktab Mahmud Alor Setar Kedah pula berpendapat,

"Rasa selesa dan seronok dengan kemudahan yang disediakan," kata Nur Husnina Anis Abdul Gani.

Menurut Fatini Munira Mohamad,

"Dapat menenangkan jiwa di sini."

"Cantik pemandangan kampus UUM," tambah Ain Nuha Abd. Rahman.

Harapan supaya generasi pewaris ini akan amalkan kata-kata pembakar semangat,

"Orang yang cemerlang melihat setiap cabaran sebagai peluang untuk mengasah potensi, manakala orang yang tidak cemerlang menganggap setiap cabaran sebagai alasan yang menyebabkan kegagalan."

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.